

**METODOLOGI PENGELUARAN FATWA DALAM MAZHAB  
SYAFI'I DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM:  
ANALISA FATWA BAB MUNAKAHAT  
DARI TAHUN 1994 HINGGA 2015**

**SA'ADATUL SAKINAH BINTI HAJI MASRI  
17MR703**

**PUSAT PENYELIDIKAN MAZHAB SYAFI'I  
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI  
BRUNEI DARUSSALAM**

**1441H / 2019M**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

**METODOLOGI PENGELUARAN FATWA DALAM MAZHAB  
SYAFI'I DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM:  
ANALISA FATWA BAB MUNAKAHAT  
DARI TAHUN 1994 HINGGA 2015**

**SA'ADATUL SAKINAH BINTI HAJI MASRI  
17MR703**

**TESIS INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI  
SYARAT PENGANUGERAHAN IJAZAH  
SARJANA MAZHAB SYAFI'I**

**PUSAT PENYELIDIKAN MAZHAB SYAFI'I  
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI  
BRUNEI DARUSSALAM**

**RABIUL'AWAL 1441 / NOVEMBER 2019**

**PENYELIAAN**

**METODOLOGI PENGELUARAN FATWA DALAM MAZHAB  
SYAFI'I DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM:  
ANALISA FATWA BAB MUNĀKAHAT  
DARI TAHUN 1994 HINGGA 2015**

**SA'ADATUL SAKINAH BINTI HAJI MASRI**

**17MR703**

**Penyelia: DR NUROL HUDA BINTI DATO SERI MAHARAJA DATO SERI  
UTAMA (DR) HAJI ISMAIL**

**Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_**

**Pengarah Fakulti: DR AZME BIN HAJI MATALI**

**Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_**

## PENGESAHAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan ini saya mengaku bahawa kerja-kerja dalam tesis ini saya sendiri kecuali untuk petikan dan ringkasan yang telah diperakui.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama : Sa'adatul Sakinah Binti Haji Masri

No. Pendaftaran : 17MR703

Tarikh Menghantar : November 2019

**PENGISYTHARAN HAK CIPTA DAN PENGESAHAN BAGI  
PENGUNAAN SAKSAMA BAGI TESIS YANG  
TIDAK DITERBITKAN**

Hakcipta ©2019 oleh Sa'adatul Sakinah Binti Haji Masri. Semua hak terpelihara.

**METODOLOGI PENGELUARAN FATWA DALAM MAZHAB  
SYAFI'I DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM:  
ANALISA FATWA BAB MUNAKAHAT  
DARI TAHUN 1994 HINGGA 2015**

Tidak dibenarkan sebahagian daripada tesis ini diterbitkan, disimpan dalam system dapatan atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau kaedah elektronik, material, fotokopi, rakaman atau cara lain tanpa kebenaran bertulis daripada pemegang hak cipta kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah ini:

1. Mana-mana bahan yang terkandung di dalam atau diperolehi dari tesis ini hanya boleh digunakan oleh orang lain dalam penulisan mereka dengan penghargaan yang sepatutnya.
2. Pihak UNISSA atau perpustakaan UNISSA mempunyai hak untuk membuat dan menghantar Salinan (cetak dan elektronik) kepada pihak institusi dan bagi tujuan latihan ilmiah.
3. Perpustakaan UNISSA mempunyai hak untuk membuat, menyimpan Salinan tesis ini dalam system dapatan semula dan membuat Salinan ini jika diminta oleh pihak university dan bahagian rujukan yang lain.

Disahkan oleh Sa'adatul Sakinah Binti Haji Masri.

.....  
Tandatangan

.....  
Tarikh

## PENGHARGAAN

الحمد لله رب العلمين وبه نستعين على أمور الدنيا والدين  
والصلاة والسلام على سيدنا محمد صلى الله عليه وسلم وعلى اله وصحبه أجمعين

Segala puji dan syukur hanya bagi Allah Subhānahu Wa Ta‘alā, kerana dengan limpah kurnia dan taufik hidayahNya jua akhirnya pengkaji dapat menyelesaikan penulisan tesis ini. Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita, Nabi Muhammad Sallallāhu ‘Alaihi Wasallam, keluarga dan para sahabat Baginda.

Pengkaji merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Dr. Nurol Huda binti Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Ismail selaku penyelia pengkaji, kerana banyak memberi sokongan dan tunjuk ajar sepanjang membuat kajian ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih juga kepada Rektor dan Timbalan Rektor UNISSA, Pengarah Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi‘i dan para pensyarah, kerana telah memberikan peluang kepada pengkaji untuk menyambung di peringkat sarjana.

Jutaan kalungan kasih diucapkan kepada insan teristimewa, suami tercinta Muhammad Fatin Abdul Rahman bin Kifli, yang tidak henti menjadi pencetus semangat pengkaji dan sentiasa memberikan pengorbanan masa, tenaga, pandangan serta tunjuk ajar dan nasihat sepanjang menyempurnakan tesis ini.

Tidak lupa juga setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih khas buat ayahnda tersayang Haji Masri bin Haji Abdul Rauf, bonda tersayang Pg. Hajah Noraini binti Pg. Badarudin serta abang, kakak dan adik beradik yang tersayang. Alhamdulillah, pencapaian ke tahap ini adalah juga berkat doa restu, pertolongan, pengorbanan serta sokongan.

Akhir kalam, pengkaji memohon kepada Allah Subhanahu Wa Ta‘ala agar tesis ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca. Semoga Allah Subhanahu Wa Ta‘ala membalas jasa-jasa baik semua pihak yang terlibat dengan sebaik-baik balasan.

امين يا رب العالمين

## **ABSTRAK**

### **METODOLOGI PENGELUARAN FATWA DALAM MAZHAB SYAFI'I DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM: ANALISA FATWA BAB MUNAKAHAT DARI TAHUN 1994 HINGGA 2015**

Mazhab Syafi'i adalah merupakan sebuah mazhab yang dijadikan sebagai pegangan yang kuat di Negara Brunei Darussalam sama ada dalam bentuk amalan seharian masyarakat Islamnya mahupun dalam keputusan-keputusan fatwa yang dikeluarkan khususnya oleh Jabatan Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam. Oleh itu, kajian yang bertajuk 'Metodologi Pengeluaran Fatwa Dalam Mazhab Syafi'i Di Negara Brunei Darussalam: Analisa Fatwa Bab Munakahat Dari Tahun 1994 Hingga 2015' ini dijalankan. Kajian ini mempunyai tiga objektif kajian iaitu yang pertama untuk mengkaji metodologi pengeluaran fatwa yang digunakan dalam Mazhab Syafi'i, yang kedua untuk menganalisis fatwa-fatwa keluaran Jabatan Mufti Kerajaan dalam bab munakahat dari tahun 1994 hingga 2015 dan yang ketiga untuk mengenalpasti metodologi pengeluaran fatwa Jabatan Mufti Kerajaan Brunei Darussalam dan sejauhmana keterikatan Mazhab Syafi'i dalam pengeluaran fatwanya. Manakala, metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah metodologi kajian berbentuk kualitatif dan perpustakaan. Hasil kajian mendapati bahawa al-Qur'an, hadith dan pendapat para ulama dalam mazhab Syafi'i adalah merupakan sebahagian daripada metodologi pengeluaran fatwa dalam Mazhab Syafi'i. Secara keseluruhannya, metode al-Bayān dan metode al-Qiyās juga digunakan dalam metodologi pengeluaran fatwa dalam Mazhab Syafi'i. Selain itu, secara keseluruhannya juga didapati bahawa Jabatan Mufti Kerajaan lebih dominan menggunakan pendapat-pendapat para ulama di kalangan Mazhab Syafi'i sebagai metode pengeluaran fatwanya.



## ABSTRACT

### **METHODOLOGY ON FATWAS ISSUED BY THE SHAFI‘I SCHOOL IN BRUNEI DARUSSALAM: ANALYSIS OF MUNAKAHAT FATWAS FROM 1994 TO 2015**

Syafi‘i school is a renowned ‘mazhab’ that has been reinforced in Brunei Darussalam. It has a great influence on the Islamic community of the country in their everyday life and even so, the Department of the State Mufti in Brunei Darussalam in their decisions to issue fatwas. Thereby, a research study titled ‘Methodology On Fatwas Issued By The Shafi‘i School In Brunei Darussalam: Analysis Of Munakahat Fatwas From 1994 To 2015’ has been carried out. This study consists of three research objectives. First, to research the methodology used by the Shafi‘i school on issuing fatwas. Second, to analyse fatwas that has been issued by the Department of the State Mufti of Brunei Darussalam relating to Munakahat from 1994 to 2015. Third, to assess the methodology used by the Department of the State Mufti of Brunei Darussalam in issuing the fatwas and to what extent does it attached to the Shafi‘i school on issuing the fatwas. The methods used in this study are in the form of qualitative and library research. This study institutes that al-Qur‘ān, hadith and the thought of the scholars of shafi‘i school play a role in the methodology used to issue fatwas based on the Syafi‘i school. Methods al-Bayān dan al-Qiyās were also used in issuing fatwas. In conclusion, the Department of the State Mufti of Brunei Darussalam dominantly has used the beliefs and speculations of scholars among Shafi‘i school in the methods to issue the fatwas.

## ملخص البحث

مناهج الإفتاء في المذهب الشافعي بسلطنة بروناي دار السلام: تحليل الفتاوى في

باب النكاح من سنة ١٩٩٤ - ٢٠١٥م

يعد المذهب الشافعي مذهباً راسخاً بسلطنة بروناي دار السلام، سواء أكان في العبادات في حياة المجتمع الإسلامي أم في الإفتاء، وخاصة في الفتاوى التي أصدرتها دار الإفتاء بسلطنة بروناي دار السلام، ولذا أخرج هذا البحث بعنوان "مناهج الإفتاء في المذهب الشافعي بسلطنة بروناي دار السلام: تحليل الفتاوى في باب النكاح من سنة ١٩٩٤ - ٢٠١٥م". ويسعى هذا البحث إلى تحقيق ثلاثة أهداف، وهي: البحث عن المناهج المستخدمة في الإفتاء في المذهب الشافعي، وتحليل الفتاوى التي أصدرتها دار الإفتاء في باب النكاح من سنة ١٩٩٤ - ٢٠١٥، وتحديد المناهج التي استخدمتها دار الإفتاء ومدى آثار المذهب الشافعي في عملية الإفتاء. أما منهج هذا البحث فهو البحث النوعي والبحث المكتبي. وتوصل هذا البحث إلى أن القرآن الكريم، والأحاديث النبوية، وأقوال فقهاء الشافعية من مناهج الإفتاء في المذهب الشافعي. وبشكل إجمالي، يستخدم منهجاً البيان والقياس في الإفتاء في المذهب الشافعي، ومع ذلك، تميل دار الإفتاء إلى استخدام آراء علماء الشافعية كمنهج في الإفتاء.

## ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
PENYELIAAN	i
PENGESAHAN	ii
PENGISYTHARAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ملخص البحث	vii
ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SINGKATAN	xi
TRANSLITERASI	xiv

### BAB I

#### Pengenalan

1.1. PENDAHULUAN	1
1.2. LATAR BELAKANG	3
1.3. PENYATAAN MASALAH	5
1.4. PERSOALAN KAJIAN	7
1.5. OBJEKTIF KAJIAN	7
1.6. KEPENTINGAN KAJIAN	7
1.7. SKOP KAJIAN	8
1.8. KAJIAN LEPAS	9
1.9. METODOLOGI KAJIAN	15
1.10. KERANGKA KAJIAN	16
1.11. KESIMPULAN	17

### BAB II

#### FIQH MAZHAB SYAFI'I

2.1. PENDAHULUAN	18
2.2. RIWAYAT HIDUP IMAM SYAFI'I	18
2.2.1. Nasab Imam Syafi'i	18
2.2.2. Ibu Imam Syafi'i	21
2.2.3. Tarikh Lahir Imam Syafi'i	23
2.2.4. Tempat Kelahiran Imam Syafi'i	25
2.2.5. Kewafatan Imam Syafi'i	26

2.3.	LATAR BELAKANG PENDIDIKAN IMAM SYAFI‘I	27
2.3.1.	Imam Syafi‘i Mempelajari Al-Qur’an	27
2.3.2.	Imam Syafi‘i Belajar Bahasa Arab	28
2.3.3.	Imam Syafi‘i Menuntut Ilmu Di Mekah	29
2.3.4.	Imam Syafi‘i Menuntut Ilmu Di Madinah	29
2.3.5.	Perjumpaan Imam Syafi‘i Dengan Muhammad Bin Al-Hasan Al-Syaibani	32
2.3.6.	Guru-Guru Imam Syafi‘i	32
2.4.	MAZHAB SYAFI‘I	35
2.4.1.	Pengertian Mazhab Syafi‘i	36
2.4.2.	Fiqh Mazhab Syafi‘i	40
2.4.3.	Pembentukan Mazhab Syafi‘i	41
2.4.4.	Penyebaran Dan Perkembangan Mazhab Syafi‘i	51
2.4.5.	Karya-Karya Imam Syafi‘i	56
2.4.6.	Tokoh Dalam Mazhab Syafi‘i	60
2.4.7.	Proses Pembentukan Qawl Mu‘tamad Dalam Mazhab Syafi‘i	68
2.4.8.	Sumber Pengeluaran Hukum Mazhab Syafi‘i	99
2.4.9.	Metodologi Pengeluaran Fatwa Dalam Mazhab Syafi‘i	113
2.4.10.	Pandangan Imam Al-Syafi‘i Tentang Maṣlaḥah, Istiḥsān Dan ‘Urf	133
2.5.	KESIMPULAN	144

### **BAB III**

#### **JABATAN MUFTI DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

3.1.	SEJARAH PENUBUHAN JABATAN MUFTI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM	145
3.2.	STRUKTUR ORGANISASI DALAM JABATAN MUFTI KERAJAAN	150
3.3.	VISI DAN MISI JABATAN MUFTI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM	153
3.4.	AKTA PENGELUARAN FATWA	153
3.5.	KESIMPULAN	155

## **BAB IV**

### **ANALISIS FATWA**

4.1.	ANALISIS FATWA BAB MUNAKAHAT BAGI TAHUN 1994 HINGGA 2015	157
4.1.1.	Metodologi Pengeluaran Fatwa Mufti Kerajaan Berdasarkan sumber al-Qur'ān dan Hadis	185
4.1.2.	Metodologi Pengeluaran Fatwa Menggunakan Sumber Daripada Pendapat-Pendapat Yang Disepakati Oleh Kebanyakan Para Ulama Dalam Mazhab Syafi'i	188
4.1.3.	Metodologi Pengeluaran Fatwa Menggunakan Metode Qiyās	193
4.1.4.	Metodologi Pengeluaran Fatwa Menggunakan Metode Ijtihad Mufti Kerajaan	193
4.2.	KESIMPULAN	197

## **BAB V**

### **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1.	KESIMPULAN	197
5.1.1.	Metodologi Pengeluaran Fatwa Dalam Mazhab Al-Syafi'i	197
5.1.2.	Mengenalpasti Metodologi Pengeluaran Fatwa Jabatan Mufti Kerajaan Brunei Darussalam Dan Sejauhmana Implikasi Mazhab Syafi'i Dalam Pengeluaran Fatwanya	199
5.1.3.	Sejauhmana Keterikatan Jabatan Mufti Kerajaan Dalam Mengambil Mazhab Syafi'i Dalam Pengeluaran Fatwanya	204
5.2.	CADANGAN	205
	BIBLIOGRAFI	206
	LAMPIRAN	217

## SENARAI JADUAL

NOMBOR	TAJUK JADUAL	MUKA SURAT
Jadual 4.1.	Jumlah Keseluruhan Fatwa Dalam Bab Munakahat	156
Jadual 4.2.	Keseluruhan Isu Dalam Fatwa Munakahat Berserta Jumlahnya	162

## SENARAI RAJAH

NOMBOR	TAJUK RAJAH	MUKA SURAT
Rajah 3.1.	Struktur Organisasi Jabatan Mufti Kerajaan	152

## SENARAI SINGKATAN

ed.	:	Edisi
H	:	Hijrah
Hlm	:	Halaman
<i>Ibid</i>	:	<i>Ion Beam Induced Deposition</i> , sama rujukan dengan nota kaji yang sebelumnya.
Jil.	:	Jilid
<i>Op. cit.</i> yang lain.	:	<i>Opus Citation est</i> , sama rujukan dengan halaman yang lain.
Sdn. Bhd.	:	Sendirian Berhad
t.p	:	Tanpa penerbit, bahan yang dirujuk tidak mempunyai nama tempat penerbitan yang lengkap
t.t	:	Tanpa tarikh, bahan yang dirujuk tidak mempunyai tahun terbitan yang jelas
t.t.p	:	Tanpa tempat penerbitan, bahan yang dirujuk tidak mempunyai nama tempat atau negeri penerbitan yang lengkap



## TRANSLITERASI

Senarai pedoman tersebut adalah seperti berikut:

Huruf Arab	Transkripsi
ء	'
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	Ḥ
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	Ṣ
ض	Ḍ
ط	Ṭ
ظ	Ẓ
ع	'
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
ه / ة	h
و	w
ي	y

Vokal Pendek:

Vokal Pendek	Transliterasi
َ (Fathah)	A
ِ (Kasrah)	I
ُ (Dammah)	U

Vokal Panjang:

Vokal Panjang	Transliterasi
َ (Fathah)	Ā
ِ (Kasrah)	Ī
ُ (Dammah)	Ū

Diftong:

Diftong	Transliterasi
— و	Aw
— ي	Ay
— و	Uww
— ئ	Iy/ī

## BAB I

### Pengenalan

#### 1.1. PENDAHULUAN

Fatwa adalah merupakan salah satu elemen yang penting di dalam sejarah perundangan Islam dan salah satu hukum syara' yang dikeluarkan oleh mufti.<sup>1</sup> Ia juga merupakan penghubung antara mufti dan *mustafti* yang menjadi jalan untuk menyelesaikan hukum bagi masalah yang berlaku di kalangan umat Islam.<sup>2</sup> Fatwa juga boleh disifatkan sebagai jawapan hukum yang diberikan kepada apa-apa persoalan atau permasalahan yang memerlukannya.<sup>3</sup>

Pada zaman Rasūlullah sallallāhu ‘alaihi wassalam sumber hukum Islam adalah wahyu Allah dan ijtihad Rasūlullah sendiri.<sup>4</sup> Rasūlullah sallallāhu ‘alaihi wassalam bertindak sebagai mufti dan pemutus hukum bagi setiap persoalan yang dihadapi oleh umat Islam pada ketika itu.<sup>5</sup> Sepertimana yang telah dijelaskan di dalam al-Qur’an dalam Firman Allah:

وَيَسْتَفْتُونَكَ فِي النِّسَاءِ قُلِ اللَّهُ يُفْتِيكُمْ فِيهِنَّ<sup>6</sup>

---

<sup>1</sup> Othman Bin Haji Ishak. (1981). *Fatwa Dalam Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd. Hlm. 11.

<sup>2</sup> Mohd Faez Mohd Shah. (2013). *Metode Fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor Dalam Menangani Persoalan Semasa: Analisis Fatwa-Fatwa Negeri Johor Dari Tahun 2000 Hingga 2010*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Hlm. 2.

<sup>3</sup> Muhammad Abū Zahrah. (t.t.) *Usul Al-Fiqh*. Kaherah. Dār Al-Fikr Al-‘Arabi. Hlm. 401.

<sup>4</sup> Abd. Jalil Borham. (2002). *Pengantar Perundangan Islam*. Malaysia: Universiti Teknologi Malaysia. Hlm 41.

<sup>5</sup> Mohd Faez Mohd Shah. (2013). *Metode Fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor Dalam Menangani Persoalan Semasa: Analisis Fatwa-Fatwa Negeri Johor Dari Tahun 2000 Hingga 2010*. *Op.cit.* Hlm. 2.

<sup>6</sup> Al-Qur’an. Surah An-Nisâ: 127.

Tafsirnya: “Dan mereka meminta fatwa kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (hak dan kewajipan) perempuan. Katakanlah: “Allah memberi fatwa kepada kamu mengenai mereka..”<sup>7</sup>

Apabila timbul sesuatu permasalahan yang memerlukan hukum dan tidak dijumpai ayat al-Quran yang menjelaskan tentang hukum bagi permasalahan tersebut, maka Rasūlullah berusaha untuk mengetahui hukumnya. Hasil usaha Rasūlullāh dalam mencari hukum tersebut dipergunakan untuk memberikan fatwa hukum sehingga usaha Rasūlullāh tersebut menjadi perundangan yang wajib diikuti di samping ayat-ayat Al-Quran.

Setelah kewafatan Rasūlullah *sallallahu ‘alaihi Wassalam*, tamatlah penurunan wahyu Al-Qur’an dan segala sumber pertuturan, perbuatan dan pengakuan (*taqrir*) daripada Rasūlullah *sallallahu ‘alaihi wassalam* yang dikenali sebagai as-Sunnah.<sup>8</sup> Oleh itu, zaman tersebut merupakan zaman bermulanya terbuka pintu ijtihad dalam kalangan sahabat agung Rasūlullah *sallallahu ‘alaihi wassalam* bagi mengistinbāt hukum-hukum Islam berdasarkan kepada fikiran dengan bersandarkan kepada nas-nas al-Qur’an dan al-Hadith.<sup>9</sup> Contohnya, fatwa Khalifah Abu Bakar mengenai memerangi orang yang tidak mahu mengeluarkan zakat semasa zaman pemerintahannya.<sup>10</sup> Antara contoh lain pula, Khalifah Ali Ibn Talib mengeluarkan fatwa bahawa isteri yang berada di dalam *iddah talaq raj’i* atau talak yang boleh dirujuk semula itu adalah berhak untuk mewarisi harta pusaka bekas suaminya sekiranya suaminya itu mati di dalam masa *iddah*.<sup>11</sup>

Amalan berfatwa ini juga diteruskan lagi oleh para tabi’ dan tabi’in. Mereka berijtihad sendiri untuk mengeluarkan fatwa sekiranya mereka tidak mendapati hukum di

---

<sup>7</sup> *Mushaf Brunei Darussalam Dan Terjemahannya*. (2014). Op.cit. Hlm. 237-238

<sup>8</sup> Abdullah Hj Ishak. (1997). *Sumber Perundangan Islam Dan Tanggungjawab Muslim*. Perpustakaan Negara Malaysia. Kuala Lumpur. Hlm. 117.

<sup>9</sup> *Ibid*.

<sup>10</sup> Mustafa Abdul Rahman. (1975). *Ringkasan Sejarah Khulafa’al Rasyidin*. Pulau Pinang: Maktabah Al-Haj Abdullah Bin Muhammad Nuruddin Al-Rawi. Hlm. 21.

<sup>11</sup> Othman Bin Haji Ishak. (1981). *Fatwa Dalam Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd. Hlm. 3.

dalam al-Qur'an, as-Sunnah dan fatwa yang telah dikeluarkan oleh ulama sebelum mereka.<sup>12</sup>

Hal ini membuktikan bahawa, metode berfatwa sudah diamalkan sejak zaman Rasūlullah *sallallahu 'alaihi wassalam* lagi sebagai salah satu daripada disiplin ilmu yang akhirnya diwarisi sehingga ke hari ini.<sup>13</sup>

## 1.2. LATAR BELAKANG

Fatwa ialah bermaksud *ifta'* atau mengeluarkan fatwa, dengan jamaknya *al-fatawa'*. Adapun *al-istifta'* pula pada bahasanya ialah meminta jawapan terhadap sesuatu perkara yang dimusykilkan; atau memberi erti pertanyaan. Adapun fatwa dalam istilah hukum syara' ialah memberi penerangan tentang hukum syara' berdasarkan kepada dalil bagi orang yang bertanya tentangnya.<sup>14</sup>

Metodologi pengeluaran fatwa adalah merupakan salah satu elemen yang penting dalam berfatwa bagi penghasilan jawapan yang tepat kerana penetapan fatwa tanpa mengambil kira metodologinya tidak akan memenuhi kepentingan manusia dan tidak akan dilihat sebagai penyelesaian yang sebenar bagi menjawab pelbagai persoalan yang berlaku.

Berdasarkan kepentingan tersebut, pengkaji memilih untuk mengkaji fatwa-fatwa munakahat dari tahun 1994 hingga 2015 yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam dengan melihat kepada metode pengeluaran fatwa yang digunakan oleh Mufti Kerajaan Brunei.

Sepanjang tempoh tahun 1994 hingga 2015 tersebut, terdapat 68 jumlah fatwa munakahat yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan Brunei, sepertimana yang dipaparkan di dalam Jadual 1 di bawah.

---

<sup>12</sup> *Ibid.* Hlm. 5.

<sup>13</sup> Mohd Faez Mohd Shah. (2013). *Metode Fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor Dalam Menangani Persoalan Semasa: Analisis Fatwa-Fatwa Negeri Johor Dari Tahun 2000 Hingga 2010*. *Op.cit.* Hlm. 3.

<sup>14</sup> Uthman El-Muhammady. (2006) *Kaedah-Kaedah Dan Adab-Adab Mengeluarkan Fatwa*. Malaysia: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Hlm. 1-2.

**Jadual 1:****Jumlah Fatwa Munakahat Jabatan Mufti Kerajaan Brunei Darussalam**

TAHUN	JUMLAH FATWA MUNAKAHAT
1994 – 1995	19
1996	8
1997	0
1998	2
1999	4
2000	2
2001	2
2002	3
2003	1
2004	3
2005	2
2006	2
2007	3
2008	0
2009	3
2010	5
2011	5
2012	1
2013	0
2014	1
2015	2
<b>JUMLAH</b>	<b>68 FATWA</b>

*Sumber: Buku-Buku Fatwa Mufti Kerajaan Brunei 1994-2015*

Oleh yang demikian, bagi menangani cabaran semasa yang berlaku dalam keluarga Islam khususnya, Jabatan Mufti Kerajaan berpegang kepada satu metode pengeluaran hukum bagi melahirkan natijah fatwa yang benar-benar dapat menyelesaikan kemelut dan cabaran permasalahan yang berlaku pada abad 21 kebelakangan ini.

Selain itu juga, merujuk kepada metode berfatwa Jabatan Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, keterikatan kepada Mazhab Syafi'i menjadi rangka utama dalam penyediaan fatwa di Negara Brunei Darussalam. Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77, menyebut bahawa *qawl* yang harus diikuti mestilah mengikut *qawl* mu'tamad dalam Mazhab Syafi'i dalam metode berfatwa dan pengambilan hukum.

Oleh itu, kajian ini akan mengkaji mengenai metodologi pengeluaran fatwa yang digunakan dalam Mazhab Syafi'i khususnya serta memperlihatkan metode yang digunapakai oleh Jabatan Mufti Kerajaan Brunei Darussalam dalam menghadapi dan menjawab segala persoalan fatwa.

### **1.3. PENYATAAN MASALAH**

Secara keseluruhannya, kajian tesis ini telah dibina berasaskan permasalahan berikut:

1. Pada hari ini dunia sudah mengalami pelbagai perubahan dari berbagai aspek kehidupan. Dalam menghadapi isu-isu yang timbul pada era kemodenan khususnya dalam bidang munakahat, fatwa memainkan peranan yang sangat penting dalam memberikan jawapan hukum terhadap isu-isu tersebut. Para ulama berusaha untuk mengenalpasti hukum bagi sesuatu permasalahan yang timbul bagi menghasilkan fatwa yang berkualiti. Oleh itu, para ulama telah menghasilkan fatwa berdasarkan cara, tertib dan syarat-syarat iaitu metodologi pengeluaran fatwa yang tertentu bagi menjamin fatwa yang tepat dan sesuai bagi sesuatu permasalahan. Di Negara Brunei Darussalam sendiri, terdapat 68 fatwa mengenai munakahat sepanjang tahun 1994 hingga 2015 yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan. Oleh itu, pengkaji ingin mengkaji apakah metodologi pengeluaran fatwa yang digunakan oleh Jabatan

Mufti Kerajaan Brunei Darussalam dalam mengeluarkan fatwa-fatwa dalam bab munakahat tersebut?

2. Peruntukan perlembagaan di Negara Brunei Darussalam telah menjadikan Mazhab Syafi'i sebagai mazhab negara dan telah mengimplementasikan perkara tersebut dalam Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 sebagaimana dalam peruntukan akta tersebut ada mengatakan:

*“Dalam membuat dan memberi mana-mana fatwa dengan cara yang ditetapkan terdahulu sebelum ini Majlis dan Jawatankuasa Undang-undang hendaklah biasanya menurut qawl yang mu'tamad daripada Mazhab Shafie: Dengan syarat bahawa, jika difikirkan bahawa dalam mengikut kaul yang mu'tamad sedemikian akan bertentangan dengan kepentingan awam, Majlis atau Jawatankuasa Undang-Undang boleh, kecuali jikalau Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengarah sebaliknya, mengikut kaul yang daif daripada Mazhab Shafie.”<sup>15</sup>*

Oleh itu, daripada pernyataan tersebut pengkaji berhasrat untuk mengkaji metodologi pengeluaran fatwa yang digunakan dalam Mazhab Syafi'i khususnya serta metodologi pengeluaran fatwa yang digunakan oleh Jabatan Mufti Kerajaan di Negara Brunei Darussalam.

#### **1.4. PERSOALAN KAJIAN**

1. Apakah metodologi pengeluaran fatwa yang digunakan dalam Mazhab Syafi'i?
2. Apakah metodologi pengeluaran fatwa yang digunakan oleh Jabatan Mufti Kerajaan Brunei Darussalam?
3. Sejauhmanakah keterikatan Jabatan Mufti Kerajaan dalam mengambil Mazhab Syafi'i dalam pengeluaran fatwanya?

---

<sup>15</sup> Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi. Penggal 77. Semakan 1984. Undang-undang Negara Brunei Darussalam bab 43(1).



### **1.5. OBJEKTIF KAJIAN**

1. Mengkaji metodologi pengeluaran fatwa yang digunakan dalam Mazhab Syafi'i.
2. Menganalisis fatwa-fatwa keluaran Jabatan Mufti Kerajaan dalam bab munakahat dari tahun 1994 hingga 2015.
3. Mengenalpasti metodologi pengeluaran fatwa Jabatan Mufti Kerajaan Brunei Darussalam dan sejauhmana keterikatan Mazhab Syafi'i dalam pengeluaran fatwanya.

### **1.6. KEPENTINGAN KAJIAN**

Pengkaji sangat berharap agar kajian yang dilakukan ini dapat dimanfaatkan oleh seluruh umat Islam. Kajian yang dijalankan ini mempunyai beberapa kepentingan yang ingin disampaikan iaitu:

1. Hasil dapatan kajian yang dijalankan mengenai metodologi pengeluaran fatwa pengeluaran fatwa Jabatan Mufti Kerajaan Brunei Darussalam ini diharapkan dapat membantu memberikan pendedahan kepada masyarakat umum mengenai ilmu tentang bagaimana fatwa tersebut dikeluarkan.
2. Kajian ini juga berperanan sebagai sumber maklumat, panduan, cadangan dan menyumbangkan idea secara langsung dan secara tidak langsung kepada pihak tertentu yang bertanggungjawab dalam bidang institusi fatwa di negara ini.
3. Hasil dapatan daripada kajian ini boleh menjadi sumber panduan dan rujukan kepada para pengkaji seterusnya yang berhasrat untuk menjalankan kesinambungan daripada kajian pengkaji ini iaitu metodologi pengeluaran fatwa dalam Mazhab Syafi'i di Negara Brunei Darussalam: analisis fatwa bab munakahat dari tahun 1994 hingga 2015 ataupun dalam bentuk dan konteks yang berlainan.

## **1.7. SKOP KAJIAN**

Pengkaji hanya menghadkan kajian ini kepada fatwa yang menyentuh bahagian isu munakahat sahaja iaitu kajian tertumpu kepada penganalisan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam dalam bab munakahat dari tahun 1994 hingga 2015 sahaja.

Faktor yang menjadi punca pengkaji memberi penumpuan kajian kepada tempoh masa berkenaan adalah disebabkan tempoh 21 tahun kebelakangan ini adalah tempoh yang mencukupi untuk melihat perubahan yang berlaku dalam kehidupan. Rasionalnya, tempoh tersebut adalah merupakan zaman berlakunya perubahan teknologi secara pesat dalam pelbagai aspek kehidupan terutama dalam aspek kehidupan rumah tangga yang menjadi suatu keperluan pada hari ini. Natiyahnya, timbul pelbagai persoalan-persoalan ekoran dari perkembangan dan pembaharuan yang menjadi keperluan dan kepentingan pada hari ini.

Selain itu, pada tahun 1994 tersebut juga merupakan tahun bermulanya perlantikkan Mufti Kerajaan Brunei yang kedua iaitu Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz Bin Juned yang merupakan Mufti Kerajaan Brunei sehingga sekarang.

## 1.8. KAJIAN LEPAS

Pengkaji menjalankan kajian mengenai metodologi pengeluaran fatwa dan analisis fatwa-fatwa mufti khususnya dalam bab munakahat dari tahun 1994 hingga 2015. Maka, pengkaji cuba menyenaraikan beberapa kajian lepas yang boleh dikaitkan secara langsung atau tidak langsung dengan kajian yang pengkaji jalankan.

Pengkaji mendapati banyak penyelidikan yang telah dihasilkan berkaitan dengan fatwa sama ada dalam karya buku, artikel, mahupun kertas kerja pembentangan seminar berkaitan dengan bidang ini. Namun, pengkaji masih belum mendapati sebarang satu bahan literatur yang secara keseluruhannya membahaskan tentang analisis fatwa-fatwa mufti dalam bab munakahat dari tahun 1994 hingga 2015.

Kajian yang dijalankan di Negara Brunei Darussalam oleh Haji Japar Haji Mat Dain @ Haji Maidin dalam tesisnya bertajuk *Institusi Fatwa Peranan Dan Sumbangan Jabatan Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam*<sup>16</sup> telah membincangkan mengenai prosedur penetapan fatwa dan penguatkuasaannya serta peranan dan sumbangan Jabatan Mufti Kerajaan Brunei Darussalam.

Selain daripada itu, Haji Japar Haji Mat Dain @ Haji Maidin juga telah menjalankan kajian yang bertajuk *Analisis Metode Fatwa Muamalat Oleh Mufti Kerajaan Brunei Dari Tahun 1962-2006*.<sup>17</sup> Dalam kajian tersebut objektif yang difokuskan adalah metodologi pengeluaran fatwa menurut pandangan para ulama, mengkaji sejarah dan perkembangan institusi fatwa di Negara Brunei Darussalam, beliau juga membuat semakan terhadap isu-isu muamalat yang telah difatwakan oleh Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam sepanjang tahun 1962 hingga tahun 2006 dan objektif yang terakhir adalah menganalisis metode yang digunakan oleh Mufti Kerajaan dalam mengeluarkan fatwa-fatwanya dalam bidang muamalat dan membuat penilaian mengenainya termasuk dari aspek penyelesaian masalah yang ditimbulkan oleh penyoal. Daripada objektif kajian tersebut dapat dilihat

---

<sup>16</sup> Hj. Japar Hj. Mat Dain @ Hj. Maidin. (1999). *Institusi Fatwa Peranan Dan Sumbangan Jabatan Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Hlm. 1.

<sup>17</sup> Hj. Japar Hj. Mat Dain @ Hj. Maidin. (2011). *Analisis Metode Fatwa Muamalat Oleh Mufti Kerajaan Brunei Dari Tahun 1962-2006*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Hlm. 1.

beberapa persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam kajian beliau tersebut dengan kajian yang pengkaji sendiri jalankan. Diantara persamaan kajian adalah daripada aspek variable kajian iaitu daripada aspek metodologi fatwa. Namun perbezaan yang terdapat dalam kajian tersebut dengan kajian pengkaji sendiri juga banyak diantaranya adalah daripada aspek skop kajian iaitu kajian pengkaji sendiri mengkaji tentang fatwa dalam bidang munakahat manakala kajian yang dilakukan oleh Hj. Japar Hj Mat Dain pula memfokuskan terhadap skop fatwa dalam bidang muamalat. Selain itu juga, kajian beliau memfokuskan terhadap penjelasan mengenai metode pengeluaran fatwa menurut pandangan ulama iaitu umum. Manakala dalam kajian pengkaji sendiri, pengkaji hanya mengkaji mengenai dengan metodologi pengeluaran fatwa yang digunakan khusus dalam mazhab Syafi'i sahaja. Skop kajian daripada aspek tahun juga mempunyai perbezaan yang mana beliau mengkaji mengenai fatwa muamalat daripada tahun 1962 hingga tahun 2006 manakala pengkaji sendiri mengkaji mengenai fatwa munakahat daripada tahun 1994 hingga tahun 2015. Oleh itu jelaslah bahawa terdapatnya perbezaan dalam aspek-aspek tertentu diantara kajian yang pengkaji sendiri jalankan dengan kajian yang telah dijalankan oleh Hj. Japar Hj. Mat Dain dan juga ini telah menunjukkan bahawa kajian pengkaji sendiri ini adalah kajian yang baru.

